

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH
[KUBANG KERIAN - PAS]**

TARIKH : 22 NOVEMBER 2017 (RABU)

SOALAN NO.50

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang lebih efektif dan tindakan jangka pendek dan panjang yang telah diambil untuk mengatasinya masalah dalam penjualan tiket bola sepak yang menyusahkan para peminat seluruh negara seperti yang berlaku bagi tiket perlawanan akhir bola sepak Sukan SEA yang lepas.

117

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penjualan tiket di kaunter di Stadium Shah Alam juga mempunyai beberapa risiko seperti berikut :-
 - a) Kedudukan kaunter tiket yang terlalu terbuka di mana, pembeli boleh datang dari pelbagai arah untuk beratur membeli tiket. Penjual tiket juga terdedah kepada pelanggan ketika ingin keluar dan masuk ke dalam kaunter.
 - b) Kaunter tiket kurang sempurna keadaannya di mana tiada kelengkapan yang bersesuaian untuk penjualan tiket. Pembeli juga boleh memasukkan tangan ke dalam kaunter untuk mencuri tiket dan wang.
 - c) Pegawai keselamatan yang ada tidak mampu mengawal keselamatan pada ketika itu untuk membantu penjualan tiket dengan bilangan peminat bola sepak yang terlalu ramai.
2. Pihak Kementerian telah berusaha sedaya upaya untuk mengurangkan risiko tersebut seperti berikut :-

SULIT

- a) Membuat *barricade* atau penghadang supaya kaunter hanya boleh diakses oleh pembeli melalui bahagian hadapan dan juga untuk membuat barisan untuk beratur.
 - b) Menyediakan kelengkapan yang bersesuaian dan meletakkan pegawai tambahan di dalam kaunter tiket untuk membantu.
 - c) Memohon bantuan pihak Polis untuk mengawal orang ramai.
3. Masalah yang timbul semasa penjualan tiket sebenarnya adalah sikap segelintir pembeli yang tidak mempunyai kesedaran sivik. Mereka ini tidak mahu beratur dan tidak mempedulikan orang lain yang telah beratur dari awal lagi, bertindak liar dan merempuh penghadang yang disediakan serta mengganggu kesemua kaunter tiket yang sedang dibuka. Mereka juga mengamuk apabila tiket habis dijual dan perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana perlawanan tersebut juga disiarkan secara langsung di rangkaian televisyen dan juga secara *online*. Sikap sebegini amatlah mengecewakan dan melambangkan tahap sivik dan mentaliti yang masih rendah pada segelintir pihak.
4. Pihak kementerian akan terus melaksanakan inisiatif bagi menambah baik pengurusan penjualan tiket. Walau bagaimanapun, penyelesaian sepenuhnya akan hanya dapat berlaku sekiranya para peminat mempunyai kesedaran sivik dan mentaliti yang lebih baik. Antara

119

SULIT

perkara-perkara yang akan dilakukan oleh pihak kementerian adalah seperti:-

- a) Menjual tiket secara *online*. Sistem tiket dan sistem *gateway* bayaran akan ditambah baik bagi memastikan kelancaran dan keselamatan pembelian khususnya di waktu puncak;
- b) Bersedia mengupah lebih ramai pegawai keselamatan sekiranya melibatkan orang ramai;
- c) Bekerjasama erat dengan pihak polis dengan memastikan kawalan orang ramai yang lebih sempurna;
- d) Memasang Sistem Keselamatan CCTV di persekitaran kaunter untuk tujuan keselamatan dan mengenal pasti pembeli yang menimbulkan kekacauan untuk tindakan undang-undang; dan
- e) Menyediakan infrastruktur penjualan tiket di stadium dengan lebih sempurna bagi memastikan aliran dan kawalan orang ramai yang lebih cepat dan teratur.

Sekian, terima kasih.